

Lada henti ambil tanah

B.H - 8 AUG 1992

LANGKAWI, Jumaat — Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), tidak lagi bercadang meneruskan projek pengambilan tanah bagi tujuan pembangunan di pulau itu tetapi akan menebus guna kawasan laut dan menggunakan kawasan yang sudah dibeli, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tidak larat lagi nak beli tanah pada harga yang mahal.

"Jadi pada masa ini tumpuan kita ialah menebus guna tanah laut," katanya kepada pemberita selepas perasmian De Lima Resort di Kuala Muda, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, Exco Kerajaan Negeri, Datuk Abu Bakar Taib, pengerusi bersama Lada, Tun Daim Zainudin dan Pengurus Besar Lada, Halil Mutalib.

De Lima Resort yang dimajukan oleh kontraktor dari Sarawak, Woodhouse Sdn

Bhd, mengandungi 300 bilik dalam fasa pertama dan 1,200 bilik bagi fasa kedua.

Fasa pertama pembinaan 300 bilik hotel siap dalam tempoh 53 hari manakala lebih 1,200 bilik lagi dijangka siap dalam tempoh enam bulan.

Dr Mahathir berkata, jika kerajaan memerlukan tanah lagi ia mungkin dipertimbangkan tetapi keutamaan ialah menebus guna kawasan laut.

Beliau berkata, banyak kawasan pantai yang berselut seperti di Kuala Muda, boleh ditebus guna untuk projek pembangunan serta menjadikan pantai lebih menarik.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini tanah bagi tujuan pembangunan sudah cukup.

Mengenai ada sesetengah pemaju sengaja tidak memulakan projek yang diluluskan kerana mencari 'pembeli', beliau berkata:

"Kita menyediakan tempoh tertentu dan jika mereka tak

mematuhi peraturan itu, kerajaan akan menarik balik projek berkenaan."

Beliau menegaskan kerajaan juga tidak akan memberi semula projek berkenaan kepada pemaju terbabit, melainkan kalau ada pemaju lain memohon membelinya.

Perdana Menteri juga mengingatkan setiap projek pembangunan memerlukan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) berasin-gan.

"Ini kerana keadaan EIA tidak boleh dilakukan untuk seluruh Langkawi," katanya.

Menurutnya, kesan EIA di setiap kawasan projek adalah berbeza, seperti ada sesetengah tempat mungkin memabitkan hakisan dan pokok.

"Oleh itu, kita tidak boleh mengadakan EIA bagi seluruh Langkawi.

"Kita kena kaji setiap projek pembangunan," katanya.

Terdahulu Osman dalam ucapannya, berkata setakat ini Lada membelanjakan

kira-kira \$50 juta bagi membiayai kos pengambilan tanah milik penduduk Langkawi.

Menurutnya, perbelanjaan itu adalah sebahagian daripada peruntukan \$147.7 juta yang disalurkan kepada Lada bagi projek pembangunan.

Beliau yang juga pengerusi bersama Lada, berkata kerajaan memperuntukkan \$374 juta bagi memajukan pulau itu menerusi Rancangan Malaysia Keenam (RM6).

Katanya, menyedari kepentingan Langkawi dimajukan segera sebagai pusat pelancong, kerajaan negeri juga terpaksa mengetepikan kere-nah birokrasi dalam memberi kelulusan bagi menyege-rakan pelaksanaan projek pembangunan.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri juga mengemaskinikan pentadbiran Majlis Daerah Langkawi (MDL) dan Pejabat Daerah Langkawi serta menambah beberapa jawatan baru.